

## Banjir akhir tahun sukar diramal akibat taburan hujan berubah

SH-16  
5/10

**KUALA LUMPUR** - Ramalan awal kemungkinan banjir akhir tahun ini didapati sukar dilakukan, susulan pola taburan hujan telah berubah.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Dr Hamim Samuri berkata, taburan hujan se-

masa tidak tetap dan sukar dijangka.

"Kita susah nak ramal, sama ada berlaku banjir atau tidak. Walaupun negara kita bebas El Nino dan La Nina tahun ini, namun taburan hujan semasa sukar dijangka," katanya selepas merasmikan persidangan Geomatics

and Geospatial Technology 2017, semalam.

Beliau berkata, walaupun begitu, semua pihak perlu bersiap siaga menghadapi ancaman banjir dan musim tengkujuh yang sering berlaku setiap hujung tahun.